

25 FEB 1999

AGONG HADIRI MESYUARAT MAJLIS RAJA-RAJA KE-181

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-raja ke-181 di Istana Negara.

Tuanku Ja'afar diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke mesyuarat dua hari itu yang bermula semalam dan dipengerusikan oleh Raja Perlis.

Kesemua raja hadir kecuali Sultan Johor yang diwakili Tengku Mahkota Tengku Ibrahim Ismail. Negeri Sembilan diwakili Pemangku Yang Dipertuan Besar Tunku Naquiyuddin.

Kesemua Yang Dipertua Negeri juga hadir.

Sultan atau wakil dan Yang Dipertua Negeri diiringi oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri masing-masing.

Sementara itu, Penyimpan Mohor Besar Raja-raja Engku Datuk Ibrahim Engku Ngah dalam kenyataan petang ini berkata perkara-perkara berkenaan dasar negara telah dibincangkan pada mesyuarat itu.

Katanya mesyuarat itu juga membincangkan perkara-perkara mengenai pelantikan dan agama.

-- BERNAMA

HS NMO